

Tahniah Kuala Lumpur!

Ibu negara Malaysia
dinobatkan bandar raya
kedua terhebat
di Asia Tenggara

Oleh **SITI AISYAH MOHAMAD**
SHAH ALAM

Kuala Lumpur dinobatkan sebagai bandar raya kedua terhebat di rantau Asia Tenggara oleh Indeks Bandar Global Oxford Economics 2024.

Senarai terkini itu memperlihatkan ibu negara Malaysia di kedudukan 135 daripada 1,000 bandar di dunia, manakala Singapura muncul sebagai bandar raya terhebat apabila berada di tempat ke-42.

Bandar utama lain di Asia Tenggara ialah Bangkok, Thailand yang menduduki tempat ke-192 dan diikuti Manila, Filipina berada di tempat ke-256, sementara Jakarta, Indonesia pada kedudukan ke-284.

Secara keseluruhan, New York, Amerika Syarikat (AS) menduduki tempat pertama Indeks Bandar Global Oxford Economics, diikuti London, United Kingdom dan San Jose, AS.

Menurut Oxford Economics, Indeks Bandar Global itu meliputi 1,000 bandar besar di dunia yang terletak di 163 negara.

Indeks berkenaan mengandungi lima kategori iaitu ekonomi, modal insan, kualiti kehidupan, alam sekitar dan tadbir urus yang diagregatkan



Kuala Lumpur dinobatkan sebagai bandar raya kedua terhebat di rantau Asia Tenggara oleh Indeks Bandar Global Oxford Economics 2024.

untuk mencipta skor keseluruhan bagi setiap bandar.

Mengikut indeks tersebut, Kuala Lumpur berada pada kedudukan ke-106 dari segi ekonomi yang diukur mengikut saiz ekonomi, struktur, pertumbuhan setiap bandar, sejarah prestasi dan potensi masa depan.

Dari segi sumber manusia yang mengukur iklim pendidikan dan perniagaan setiap bandar sejajar dengan trend demografi memperlihatkan Kuala Lumpur pada kedudukan ke-21.

Indeks itu turut menunjukkan Kuala Lumpur berada pada kedudukan ke-391 bagi kualiti kehidupan yang mengambil kira manfaat tinggal di setiap bandar dan kesejahteraan penduduk meliputi kewangan serta hasil kesihatan dan akses kemudahan.

Dari segi alam sekitar dan tadbir urus, Kuala Lumpur berada pada kedudukan ke-526 dan ke-334 daripada

1,000 bandar di dunia dalam indeks berkenaan.

Selain Kuala Lumpur, bandar raya George Town, Pulau Pinang menduduki tempat ke-351 dalam indeks tersebut, diikuti Melaka di tangga ke-359 dan Johor Bahru di tempat ke-376.

Pengarah Perkhidmatan Bandar Oxford Economics, Mark Britton berkata, bandar raya adalah pusat ketamadunan manusia, dengan inovasi, kepelbagaian dan kemajuan bergabung.

"Indeks Bandar Global Oxford Economics menyediakan rangka kerja yang konsisten bagi menilai kekuatan dan kelemahan 1,000 bandar raya terhebat di seluruh dunia.

"Ditambah dengan unjuran kami, ia membolehkan organisasi dan pembuat dasar untuk melakukan keputusan strategik yang lebih bermaklumat," katanya.